

## KAEDAH AKTIF KOMUNIKATIF DALAM PENGUASAAN KOMUNIKASI BAHASA ASING

Siti Marpuah<sup>1</sup>, (Habibah awang<sup>2</sup>)

<sup>1</sup>*Jabatan Pengajian Islam PPUK Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*

[marpuah@uthm.edu.my](mailto:marpuah@uthm.edu.my)

<sup>2</sup>*Jabatan Pengajian Islam PPUK Universiti Tun Hussien Onn Malaysia)*

[habibah@uthm.edu.my](mailto:habibah@uthm.edu.my)

### ABSTRACT

Penguasaan bahasa Arab terutama dalam pertuturan merupakan salah satu matlamat utama pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama mahupun pondok pesantren yang ada di Indonesia. Kaedah Aktif Komunikatif (KAK) merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang dapat membantu pelajar menguasai pertuturan bahasa Arab, kaedah ini juga telah lama dijalankan di Pondok Pesantren Wali Songo (PPWS). Tujuan kajian ini adalah mengetahui bagaimanakah proses pelaksanaan KAK serta melihat masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan KAK. Kajian ini merupakan kajian kes berbentuk kualitatif melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang melibatkan 12 orang peserta kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa proses pelaksanaan KAK ada dua iaitu di dalam kelas dan diluar kelas dengan melalui pelbagai aktiviti seperti penambahan kosa kata dan kalimat, soal jawab, penyelesaian masalah, muhadharah, muhadatsah dan sebagainya. Selain itu juga melibatkan pelbagai pihak seperti pelajar, rakan sebaya, muharrikah al-Lughah, guru serta pengetua. Kelemahan penggunaan tata bahasa Arab (Nahwu & Sharf ) merupakan salah satu masalah yang dihadapi pelajar, selain itu lupa bertutur bahasa Arab serta malu dan takut salah juga menjadi masalah dalam pelaksanaan KAK.

**Keywords:** Penguasaan, Komunikasi, kaedah aktif komunikatif.

### PENGENALAN

Pada masa sekarang ini bahasa Arab mempunyai kedudukan yang penting dan tinggi setanding dengan bahasa-bahasa utama di dunia. Kepentingan penguasaan bahasa Arab sememangnya banyak sekali, selain untuk mempermudah memahami ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadist yang berbahasa Arab, penguasaan bahasa Arab juga dapat membantu meningkatkan hubungan diplomatik antarabangsa khususnya dengan negara-negara Timur Tengah serta peningkatan ekonomi serantau seperti APEC. Menurut Kamarulzaman (2002), bahawa bahasa Arab juga merupakan salah satu bahasa yang telah berjaya meletakkan dirinya di dunia antarabangsa selari dengan perkembangan Islam zaman sekarang ini. Ia membayangkan bahawa tidak mustahil bagi bahasa Arab untuk menjadi bahasa perhubungan antarabangsa atau setidak-tidaknya antara negara-negara Islam pada masa akan datang seperti yang telah berlaku pada masa silam. Ini bererti bahasa Arab perlu dikembangkan terutama di negara-negara Islam bagi mempermudah perhubungan sesama negara Islam utamanya dan juga negara yang non Islam.

Penguasaan bahasa Arab sangat penting bagi masyarakat muslim kerana :

- a. Bahasa Arab merupakan sarana untuk memahami agama : Sebagai umat Islam, pembelajaran bahasa Arab adalah sangat penting, ini kerana al-Qur'an tidak hanya untuk dibaca sebagai sarana ibadah, melainkan juga sebagai pedoman hidup yang harus difahami maknanya dan diamalkan ajaran-ajarannya. Pembelajaran bahasa Arab yang bertujuan untuk memahami ajaran-agama Islam ini biasanya tumbuh dan berkembang di pelbagai pondok ( Lubna Abd Rahman, 2008).
- b. Bahasa Arab sebagai media komunikasi : tuntutan dunia komunikasi di era globalisasi sekarang ini telah banyak memberikan corak baru terhadap perubahan pola pembelajaran bahasa Arab. Interaksi antarabangsa menuntut umat Islam untuk tidak sekadar memiliki kemampuan berbahasa Arab reseptif (pasif), tetapi kemampuan berbahasa yang lebih aktif dan produktif ( Siti Ikbal, 2007). Semangat pembaharuan ini diperkuat dengan munculnya para cendikiawan dan intelektual muda muslim dengan pola pemikiran yang segar sekembali mereka dari menuntut ilmu di negara pusat pendidikan Islam Timur Tengah terutama Mesir, mereka tidak hanya mampu memahami bahasa Arab namun juga memiliki kemahiran berkomunikasi bahasa Arab.
- c. Membantu peningkatan ekonomi global : Kemajuan arus perdana ekonomi dunia pada masa sekarang ini sudah berkembang dengan pesatnya. Negara-negara Arab khususnya kini semakin banyak berperanan aktif dalam ekonomi dunia terutamanya industri minyak. Mereka kaya dengan sumber minyak dan galian yang menjadikannya sebagai pengimbang ekonomi dunia. Untuk itulah negara-negara lain yang ingin berurusan dengan negara Arab sedikit banyak perlu mempelajari serta menguasai bahasa Arab yang digunakan oleh kebanyakan negara-negara Timur Tengah sebagai bahasa komunikasi mereka. Selain daripada itu dalam urusan export dan import makanan halal khususnya sudah banyak label makanan bertuliskan bahasa Arab selain menggunakan bahasa Inggris dan juga bahasa China. Untuk itulah penguasaan bahasa Arab di luar Negara Arab sangat perlu ditingkatkan guna mempermudah hubungan antarbangsa dengan negara-negara Timur Tengah (Lubna Abd Rahman, 2007).
- d. Meningkatkan industri pelancongan : Seiring dengan perkembangan dunia, Indonesia mengorak langkah menerajui dan bekerjasama dengan negara-negara Islam terutamanya negara-negara Timur Tengah dalam pelbagai bidang termasuklah dalam industri pelancongan. Peranan bahasa Arab mulai terserlah apabila Indonesia mengambil peluang melibatkan diri dan bekerjasama dua hala dengan negara-negara tersebut. Ini dapat dilihat dari ramainya pelancong dari luar negara terutama Timur Tengah datang ke Indonesia untuk melancong ke Jakarta, Bandung, Pulau Bali dan sebagainya. Untuk itu perlu adanya pemandu pelancongan yang dapat berkomunikasi bahasa Arab sebagai pemandu kepada pelancong dari Timur Tengah. Perkembangan ini mendorong pelbagai pihak untuk menitikberatkan kepada penguasaan bahasa Arab, seperti usaha yang telah dilakukan oleh pihak hotel untuk melatih dan memberi kursus bahasa Arab kepada kakitangannya.

- e. Meningkatkan kefahaman ilmu-ilmu pengetahuan serta tamadun Islam : Pada masa ini ramai ahli bahasa yang yakin bahawa pada dasarnya bahasa Arab akan sentiasa menjadi acuan kepada ketamadunan yang berteraskan ilmu pengetahuan warisan silam berdasarkan keupayaannya berkembang dan menerima penggunaan perkataan dan istilah semasa dalam pelbagai bidang. Peranannya sebagai pelopor ilmu pengetahuan dan tamadun Islam tidak akan hilang begitu sahaja, bahkan akan sentiasa bersinar melalui penggunaan bahasa Arab yang tidak pernah luput ditelan zaman. Apa yang pasti, bahawa perkembangan ilmu pengetahuan pada masa kini tidak luput daripada peranan besar tokoh-tokoh ilmuwan Islam, bukan sahaja dalam bidang Ilmu Naqli berkaitan dengan Tafsir, Hadis, fekah dan ilmu kalam, tetapi juga dalam bidang Ilmu Aqli (akal) seperti ilmu perubatan, astronomi, sains, matematik, fizik dan sebagainya. Kerana itulah penguasaan terhadap bahasa Arab khususnya bagi umat Islam adalah sangat penting, ini berdasarkan kepada asas ilmu pengetahuan itu sendiri yang berbahasa Arab (Ahmad Matlub, 2001).
- f. Peningkatan hubungan diplomatik antarabangsa : Menurut Ali Qasim (2001), bahawa kepentingan untuk mempelajari bahasa Arab semata-mata bukanlah hanya untuk memahami ajaran agama, akan tetapi pada masa kini kepentingan penguasaan bahasa ini terus dikembangkan dalam bidang-bidang komersial yang akan menjadi jambatan sebagai penghubung kerjasama dua hala dan diplomatik antara negara-negara di dunia terutamanya negara-negara Timur Tengah. Selain itu bahawa bahasa Arab ini bukan hanya digunakan dalam urusan berkaitan agama sahaja, malah melangkaui urusan-urusan berkaitan politik, ekonomi dan perdagangan serta ilmu pengetahuan. Untuk itu perlu digalakkan pelaksanaan program berkembar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab antara institusi pengajian tempatan dan institusi pengajian luar negara. Usaha ini diharapkan dapat membuka lembaran baru bagi perkembangan bahasa Arab di rantau Asia.
- g. Mempermudah penguasaan bahasa Arab dalam media telekomunikasi : Perkembangan bahasa Arab pada masa sekarang ini sudah mulai bertambah di persada penyiaran negara, hal ini dapat kita lihat dengan adanya rancangan-rancangan berbahasa Arab melalui corong-corong radio dari pelbagai stesen penyiaran tempatan. Kita juga mendapati bahawa rancangan seumpama ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat, terutamanya masyarakat Islam yang ingin mempelajari bahasa Arab atas dasar ingin memahami kandungan ayat suci al-Qur'an. Dalam media telekomunikasi pula, sudah banyak telefon bimbit yang diprogramkan dalam bahasa Arab, ini dapat juga menjadi salah satu sarana untuk mempelajari bahasa Arab, jadi semua lapisan masyarakat setidaknya dapat belajar melalui media telekomunikasi ini. Bagi pelajar pula, kemajuan teknologi ini diharapkan dapat membantu penguasaan dalam mempelajari bahasa Arab dengan lebih mudah dan tepat (Lubna Abd Rahman, Arnida A.Bakar, Wan Azura Wan Ahmad. 2008).

Kajian yang dijalankan Zulhannan (2014), mendapati masih ramai pelajar-pelajar di sekolah menengah agama lemah dalam menguasai bahasa Arab terutama pertuturan, salah satu punca kelemahan tersebut adalah dalam pemilihan kaedah pembelajaran bahasa Arab yang berkesan. Kaedah pembelajaran bahasa Arab yang dilaksanakan di Pondok Pesantren Wali Songo (PPWS) didapati mampu membantu pelajar-pelajar untuk menguasai bahasa Arab terutama pertuturan serta memahami kitab-kitab berbahasa Arab. Oleh yang demikian adalah perlu satu kajian spesifik dijalankan bagi mengetahui apakah kaedah yang sebenarnya sesuai untuk pembelajaran bahasa Arab yang mampu membantu pelajar menguasai pertuturan bahasa Arab. Melalui hasil kajian yang dilaksanakan ini, diharapkan dapat dijadikan alternatif dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang dapat membantu penguasaan bahasa Arab. Adapun objektif utama kajian ini adalah untuk Mengetahui bagaimanakah proses pelaksanaan kaedah aktif komunikatif yang dapat membantu dalam penguasaan pertuturan bahasa Arab. Selain itu juga untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi pelajar dalam melaksanakan kaedah aktif komunikatif.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah temubual yang disokong dengan kaedah pemerhatian dan pengumpulan dokumen untuk mendapatkan maklumat mengenai permasalahan kajian. Kajian ini melibatkan 12 orang peserta kajian yang terdiri daripada seorang pimpinan pondok, seorang guru pakar bahasa Arab, dua orang guru pengajar bahasa Arab, dua orang muharrikah al-Lughah(penggerak bahasa) serta enam orang pelajar tingkatan dua yang belajar di Pondok Pesantren Wali Songo Indonesia.

Analisis data dilakukan dengan menggunakan 'field notes' melalui analisis dokumen, borang pemerhatian dan temubual secara mendalam. Analisis data kualitatif mengandungi 3 aliran aktiviti yang berjalan serentak. Miles dan Huberman (2003) menggariskan komponen analisis data sebagai satu model aliran (Flow Model) yang mengandungi : Data Collection Period (Waktu kutipan data), Data Reduction (penyaringan data), Conclusion Drawing/ Verification (Kesimpulan/ Verifikasi).

### ***Dapatan kajian***

Proses penguasaan bahasa kedua sebenarnya berbeza dengan penguasaan bahasa pertama, ini kerana bahasa kedua diperoleh dan dikuasai melalui pembelajaran. Pembelajarannya bersifat formal serta lebih menekankan kepada banyak latihan dan pengulangan sehingga dapat membentuk satu tabiat atau kebiasaan. Siti Hajar Abdul Aziz (2009) menyatakan pembelajaran bahasa asing pada dasarnya adalah merupakan satu proses mekanikal yang membentuk tabiat. Oleh itu, cara penguasaannya adalah sama dengan proses pembentukan tabiat yang lain seperti belajar menaip, berenang, memandu dan lain-lainnya. Proses pembelajaran menetapkan jika sekali berjaya dilakukan dengan baik, maka ianya akan dapat diulangka seterusnya secara otomatis.

Kaedah aktif komunikatif ini merupakan satu kaedah pembelajaran bahasa yang lebih menekankan kepada aktiviti komunikasi yang sebenar serta mengikut kepada susunan tatabahasa yang tepat. Kaedah ini telah digunakan oleh pelajar di Pondok Pesantren Wali Songo yang berada di Indonesia. Hasilnya sebahagian besar pelajar yang belajar di pondok ini mulai dapat berkomunikasi menggunakan bahasa Arab minimal tiga bulan setelah belajar di pondok ini dan biasanya mereka akan lancar serta dapat berkomunikasi bahasa Arab dengan baik selepas menyelesaikan belajarnya selama 6 tahun bermula daripada tingkatan satu sehingga tingkatan 6. Selain dapat berkomunikasi menggunakan bahasa Arab, mereka juga dapat memahami kitab-kitab berbahasa Arab serta tata bahasanya dengan baik.

Selain itu, kaedah aktif komunikatif atau (KAK) merupakan salah satu kaedah pembelajaran bahasa Arab yang menyepadukan antara kaedah aktif dan juga kaedah komunikatif. Kaedah ini memberi penekanan kepada keaktifan bertutur dalam kalangan pelajar baik di dalam kelas maupun di luar kelas. Keaktifan di sini bermaksud membiasakan diri untuk sentiasa bertutur bahasa Arab bila masa dan di mana sahaja berada baik sesama rakan, guru maupun pengetua sekolah ( temu bual Heru Saiful, 2015).

Nurhayati (2008), Pembelajaran aktif adalah belajar yang lebih menumpukan dan memperbanyak aktiviti pelajar dalam mengakses pelbagai informasi dari pelbagai sumber untuk dibahas dalam proses pembelajaran di dalam kelas, sehingga memperoleh pelbagai pengalaman yang tidak saja menambah pengetahuan, tetapi juga kemampuan menganalisis dan sintesis.

Umi Machmudah & Abdul Wahab (2008), bahawa Active learning merupakan sebuah strategi untuk menjadikan pelajar sebagai subyek belajar dan berpotensi untuk meningkatkan kemahirannya atau lebih aktif dalam setiap aktiviti pelajaran yang diberikan, baik didalam maupun diluar kelas. Dalam strategi ini pelajar diharuskan untuk “belajar aktif” dengan cara menyentuh, merasakan, dan melihat langsung serta mengalami sendiri, sehingga pembelajaran lebih bermakna dan cepat difahami oleh pelajar. Sedangkan pendekatan komunikatif menurut Tomiyama (1980) pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepada kebolehan dan keupayaan pelajar untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang dipelajarinya.

Jadi kaedah aktif komunikatif (KAK) merupakan kaedah yang menyepadukan antara kaedah aktif dengan pendekatan komunikatif. Kaedah ini lebih menitikberatkan kepada aktiviti komunikasi secara berterusan dalam kalangan pelajar. Mengikut pemerhatian yang pengkaji lakukan setakat ini, kaedah ini banyak membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab terutama dalam hal pertuturan. Pelajar yang aktif menggunakan bahasa Arab secara tidak langsung akan sentiasa menggunakan mereka berada.

Berdasarkan hasil temu bual yang telah dijalankan, pengkaji merumuskan bahawa proses pelaksanaan kaedah aktif komunikatif ini meliputi niat dan minat, proses pelaksanaan KAK di dalam kelas, pelaksanaan di luar kelas, sistem ganjaran dan dendaan serta kelebihan dan kekurangan kaedah aktif komunikatif dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan KAK.

Hasil temu bual menunjukkan bahawa niat dan minat merupakan satu kekuatan yang menyokong pelajar untuk mempelajari sesuatu. Pelajar yang minat kepada pelajaran, maka dapat menyokong dirinya untuk bersungguh-sungguh menekuni pelajaran yang diminatinya tersebut. Minat mampu membangkitkan semangat serta motivasi kepada pelajar. Dapatkan kajian juga menunjukkan melalui niat dan minat dapat memudahkan pelajar menguasai sesuatu pelajaran, seperti yang dinyatakan oleh PK2 bahawa perlu ditanamkan dalam diri pelajar niat dan minat untuk mempelajari bahasa Arab, kerana niat dapat menumbuhkan dalam diri pelajar minat mempelajari bahasa Arab dan seterusnya memahami, mengamalkan dan menguasainya.

Hasil kajian ini sesuai dengan pendapat Sardiman (2007) yang mengatakan bahawa proses pembelajaran itu berjalan lancar apabila diikuti dengan minat. Selain itu minat belajar merupakan faktor utama yang menentukan peringkat keaktifan belajar pelajar. Oleh itu minat pelajar perlu dipupuk dari awal supaya dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan, terutama dalam pembelajaran bahasa Arab matlamat utamanya selain meningkatkan penguasaan pemahaman subjek berbahasa Arab adalah kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Proses pelaksanaan KAK ini dibahagikan kepada dua iaitu :

**1. Pelaksanaan secara formal** di dalam kelas yang melibatkan guru, pelajar dan rakan sebaya. Pelajar-pelajar ini harus mengikuti pelbagai aktiviti KAK seperti penambahan kosa kata, kalimat, soal jawab, perbincangan dan penyelesaian masalah.

Dalam aktiviti soal jawab, hasil kajian menunjukkan bahawa soal jawab berkesan dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar terutama proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, kerana melalui soal jawab inilah guru dapat mengetahui sejauhmanakah penguasaan pelajar terhadap subjek bahasa Arab yang mereka telah sampaikan. Dapatkan kajian ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Kilani (2001), dalam kajiannya berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah maahad di Malaysia, beliau mendapati bahawa kaedah soal jawab ini merupakan salah satu kaedah pembelajaran bahasa Arab yang banyak membantu pelajar ikut serta dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan cara menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru, selain itu soal jawab dapat menjadikan pelajar berlatih bertutur bahasa Arab, meskipun terkadang terdapat kesalahan nahu atau sharfnya ketika menjawab soalan.

**2. Pelaksanaan secara non formal** di luar kelas yang melibatkan pelajar, rakan sebaya, kelab Muharrakah al-Lughah, guru serta pimpinan pondok. Aktiviti-aktiviti yang harus mereka lakukan adalah mengikuti penambahan kosa kata, kalimat, muhadatsah (pertuturan) dan muhadharah (syaranan).

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran di luar kelas atau non formal mempunyai kesan yang paling ketara dalam penguasaan bahasa Arab terutama pertuturan berbanding pembelajaran di dalam kelas, kerana pelajar langsung mempraktikkan apa yang telah mereka perolehi sebahagian besarnya di luar kelas, mereka akan bertutur dan berkomunikasi bahasa Arab dengan rakannya sebahagian besar dilakukan di luar kelas, selain itu proses penambahan kosa kata dan juga kalimat merupakan aktiviti luar kelas yang dijalankan setiap hari selepas menjalankan shalat fardhu. Aktiviti muhadatsah

mempunyai peranan yang sangat penting dalam membantu pelajar menguasai pertuturan bahasa Arab, pembelajaran Muhadatsah (percakapan) merupakan pembelajaran bahasa Arab yang mula-mula diajarkan kepada pelajar, tujuannya adalah supaya pelajar mampu bercakap-cakap (berbicara) dalam pembicaraan sehari-hari dengan menggunakan bahasa Arab dan dalam membaca Al-Qur'an serta dalam shalat dan berdoa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti muhadatsah yang dijalankan oleh pelajar-pelajar di PPWS ini mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam membantu penguasaan pertuturan pelajar, melalui muhadatsah inilah mereka akan berlatih bertutur bahasa Arab ataupun bahasa Inggeris bersama rakan-rakannya, di bawah bimbingan muharrikah al-lughah serta pengawasan guru bahagian bahasa yang menetap di dalam asrama.

Dapatan kajian ini selari dengan pendapat Ahmad Fuadi (2005) yang mengatakan bahawa pembelajaran bahasa Arab akan lebih cepat (lebih efektif) menghantarkan pelajar menguasai bahasa Arab sebagai alat komunikasi apabila disokong oleh komuniti sosial yang menggunakan bahasa Arab sebagai alat komunikasi sehari-hari. Ertinya komuniti sosial yang menuntut setiap orang yang ada di dalamnya untuk sentiasa berkomunikasi dengan bahasa Arab secara aktif dengan melalui percakapan atau muhadatsah.

Dalam aktiviti penambahan kosakata dan kalimat ini, pengkaji memperhatikan bagaimana pelajar telah diatur dalam satu kumpulan dan dibentuk seperti bulatan, setelah itu muharrikah al-lughah berdiri di tengah-tengah untuk menyampaikan kosakata yang baru kemudian pelajar tingkatan dua mengikuti perkataan tersebut dan mengulang-ulang kembali sehingga mereka dapat menghafaznya. Masa yang diperuntukkan dalam aktiviti ini biasanya 15 minit dan satu kumpulan terdiri daripada 10 orang pelajar. Apabila sebahagian daripada mereka belum lancar menghafaznya, maka muharrikah al-Lughah akan mengulangi setiap perkataan baru yang disampaikannya sehingga semua pelajar dapat mengingat dan menghafaznya.

Sedangkan dalam aktiviti muhadatsah (percakapan), kumpulan pelajar dibentuk memanjang berpasangan antara pelajar yang satu dengan yang lain saling berhadapan, tujuannya supaya mereka dapat berkomunikasi atau bertutur antara sesama pelajar, peranan muharrikah al-lughah dalam aktiviti ini adalah memantau berjalannya muhadatsah dengan berdiri di barisan hadapan kemudian sambil berjalan kebelakang untuk mengawasi keaktifan pelajar dalam melaksanakan aktiviti muhadatsah ini. Biasanya satu kumpulan dalam aktiviti ini terdiri daripada 20 orang pelajar.

Untuk mendisiplinkan proses pelaksanaan kaedah aktif komunikatif di pondok ini, maka dibuatlah sistem dendaan dan ganjaran, tujuannya adalah untuk mendisiplinkan serta mendidik pelajar supaya sentiasa mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pondok. Hasil kajian menunjukkan bahawa ganjaran biasanya akan diberikan kepada pelajar yang aktif menggunakan bahasa Arab dan Inggeris sebagai bahasa komunikasi, sedangkan dendaan diberikan kepada pelajar yang melanggar peraturan iaitu tidak menggunakan kedua bahasa tersebut sebagai bahasa pertuturan setiap hari. Ganjaran ini biasanya berupa pemberian kamus bahasa Arab ataupun buku bacaan bahasa Arab, sedangkan dendaanya adalah yang bersifat educative iaitu hafazan surah-surah pendek dalam al-Quran.

Ini sesuai dengan pandangan Skinner yang mengemukakan teori Contiguity of Feedback/Reinforcement iaitu tingkah laku boleh dibentuk dengan memberi peneguhan secara positif atau negatif. Misalnya pelajar diberi ganjaran/pujian (peneguhan positif) apabila berjaya melakukan sesuatu seperti menghabiskan kerja rumah atau sebaliknya diberi hukuman (peneguhan negatif) kerana tidak menyiapkan kerja rumah.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa di antara kelebihan kaedah aktif komunikatif ini adalah dapat memudahkan pelajar untuk belajar berkomunikasi bahasa Arab sama ada bersama rakan, guru maupun pimpinan pondok, kerana wujudnya persekitaran yang menyokong iaitu persekitaran pondok yang sentiasa bertutur dengan berbahasa Arab. Ini sesuai dengan hasil temu bual dengan PK1 yang mengatakan bahawa kelebihan KAK ini adalah kerana mereka menetap di dalam asrama dengan persekitaran yang sentiasa berbahasa Arab dan mereka tertutup tidak bercampur dengan masyarakat luar, maka persekitaran pondok ini tidak mendapat pengaruh dari luar, sehingga dapat memudahkan pelajar untuk membiasakan diri berkomunikasi bahasa Arab. Selain itu, hasil temu bual juga mendapati bahawa salah satu kelebihan kaedah aktif komunikatif ini adalah minimal tiga bulan pelajar-pelajar ini sudah mulai dapat bertutur bahasa Arab meskipun masih terdapat kekurangan dalam penggunaan tata bahasa Arab atau Nahwu dan Sharafnya. Ini disokong oleh PK2, PK3 dan PK4 yang mempunyai pendapat sama bahawa dengan kaedah aktif ini pelajar-pelajar mudah untuk belajar bertutur bahasa Arab, kerana setiap hari mereka ini akan diajar bahasa Arab baik secara formal maupun non formal, untuk itulah minimal tiga bulan berada di pondok anak-anak ini sudah mulai belajar bertutur bahasa Arab.

Sedangkan kekurangan kaedah aktif komunikatif ini adalah kurangnya penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar kerana bagi pelajar tingkatan dua, subjek tata bahasa Arab iaitu nahu dan sharf baru sahaja diperkenalkan dan mereka belum mengetahui lebih banyak mengenai penggunaannya. Selain itu juga kerana disiplin yang kuat terkadang pelajar secara sembunyi-sembunyi mereka bertutur dengan bahasa ibunda, sehingga hal ini dapat menyebabkan mereka akan mendapat hukuman apabila melanggar peraturan berbahasa.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pelaksanaan kaedah aktif komunikatif ini di antaranya adalah masalah kurang faham dalam penggunaan tata bahasa atau Nahu dan Sharf, masalah lain adalah kesalahan menggunakan bahasa daerah maupun bahasa ibunda untuk bertutur serta masalah malu dan takut salah. Selain itu dapatan kajian mendapati bahawa ada beberapa peserta kajian menghadapi masalah kurang memahami tata bahasa Arab iaitu Nahu dan Sharf, mereka mengalami masalah tersebut kerana mata pelajaran ini baru diperkenalkan kepada pelajar setelah mereka berada di tingkatan dua. Untuk itulah mereka mengalami masalah dalam penggunaan Nahu dan Sharf semasa belajar berkomunikasi. Namun demikian hal ini tidak menghalangi mereka untuk tetap belajar dan aktif berkomunikasi menggunakan bahasa Arab sesuai dengan waktu yang telah ditentukan. Berikut adalah jadual berkaitan dengan pelaksanaan KAK samada di dalam kelas maupun di luar kelas.

**Jadual : Ringkasan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dengan KAK**

Masa/tempat	Aktiviti	pencapaian	Catatan
1). 5.30 pagi / masjid (luar kelas).	<p><u>Nama aktiviti</u> : lisan/hafazan  <u>Objektif</u> : menambahkan kosa kata bahasa Arab.  <u>Kaedah</u> : dengar dan tutur.  <u>Penglibatan</u> : Pelajar senior dan pelajar yunior (responden kajian).  <u>Langkah 1</u>: Pelajar senior berdiri dihadapan untuk menyampaikan kosa kata.  <u>Langkah 2</u> : pelajar yunior memperhatikan, mengingat dan menghafaz kosa kata yang disampaikan pelajar senior.</p> <p>Aktiviti ini memerlukan masa 10 minit.</p>	<p><u>Psikomotorik</u> : pelajar dapat mengingati dan menghafaz kosa kata yang telah disampaikan.  <u>Kognitif</u> : penambahan kosa kata akan meningkatkan pengetahuan pelajar tentang bahasa Arab</p> <p><u>Afektif</u> : pelajar merasa seronok kerana boleh menghafal kosa kata yang telah disampaikan.</p>	Pelajar mengulang semula kosa kata yang telah dihafaz.
2). 7.00 pagi/ dalam kelas.	<p><u>Nama aktiviti</u> : perbualan.  <u>Objektif</u> : membiasakan pelajar bertutur bahasa Arab.  <u>Kaedah</u> : dengar dan latih tubi  <u>Penglibatan</u> : guru BAK dan pelajar tingkatan dua.  <u>Langkah 1</u> : guru berdiri di hadapan menyampaikan kalimat bahasa Arab sambil menjelaskan maksudnya, setelah itu meminta kepada seluruh pelajar mengulangi apa yang telah disampaikan oleh guru.  <u>Langkah 2</u> : setelah guru selesai menyampaikan kalimat dan diikuti oleh pelajar, guru berkeliling kelas sambil mengulang kembali kalimat yang telah disampaikan diikuti oleh pelajar,  <u>Langkah 3</u> : guru menunjuk setiap pelajar</p>	<p><u>Psikomotorik</u> : pelajar dapat mencuba bertutur bahasa Arab.</p> <p><u>Kognitif</u> : pengulangan dan latih tubi dapat membiasakan pelajar untuk bertutur bahasa Arab dengan baik</p> <p><u>Afektif</u> : pelajar berusaha teruja dapat berlatih bertutur bahasa Arab.</p>	Pelajar mulai belajar bertutur bahasa Arab dengan rakan.

	<p>untuk mengulang kembali kalimat yang telah disampaikan.</p> <p>Aktiviti ini memerlukan masa selama 15 minit.</p>		
11 tgh/ dalam kelas.	<p><u>Nama aktiviti</u> : <i>Muhadharah</i> ( syarahan berbahasa Arab).</p> <p><u>Objektif</u> : mengajarkan kepada pelajar untuk mampu bersyarah menggunakan bahasa Arab.</p> <p><u>Kaedah</u> : bertutur.</p> <p><u>Penglibatan</u> : pelajar tingkt 2 dan pelajar senior.</p> <p><u>Langkah pelaksanaan</u> :</p> <p><u>Langkah 1</u> : dalam 1 sesi syarahan, pelajar senior akan menunjuk 5 pelajar yunior untuk bersyarah selama 5 minit. Teks syarahan bahasa Arab telah pengkaji sediakan.</p> <p><u>Langkah 2</u> : setelah ditentukan siapa sahaja pelajar yang akan bersyarah, pelajar senior akan memanggil satu persatu untuk bersyarah dihadapan rakan rakannya satu kelas. Sedangkan pelajar yang belum mendapat giliran untuk bersyarah diharapkan dapat memperhatikan rakannya yang sedang bersyarah.</p>	<p><u>Psikimotorik</u> : pelajar mencuba untuk bersyarah bahasa Arab dengan baik.</p> <p><u>Kognitif</u> : membiasakan diri bertutur bahasa Arab akan memudahkan pelajar untuk berlatih syarahan di hadapan rakan-rakannya.</p> <p><u>Afektif</u> : pelajar akan berbesar hati kerana sudah berani untuk latihan syarahan menggunakan bahasa Arab.</p>	<p>Latihan syarahan atau muhadharah ini dibawah bimbingan pelajar senior serta pengawasan guru.</p>
5 ptg/ padang	<p>Nama aktiviti : bersukan</p> <p><u>Objektif</u> : memperkenalkan kepada pelajar jenis-jenis sukan dalam bahasa Arab.</p> <p><u>Kaedah</u> : memperhatikan dan bertutur.</p> <p><u>Penglibatan</u> : pelajar senior dan pelajar tingkatan dua.</p>	<p><u>Psikomotorik</u> : pelajar dapat mengenali nama – nama sukan menggunakan bahasa Arab.</p> <p><u>Kognitif</u> : pembelajaran bahasa Arab dengan pelbagai aktiviti dapat menarik minat pelajar untuk</p>	<p>Pembelajaran bahasa Arab dapat juga dilakukan melalui aktiviti sukan.</p>

	<p><u>Langkah-langkah pelaksanaan.</u></p> <p><u>Langkah 1 :</u> Pelajar senior akan mengajak pelajar tingkatan dua ke padang permainan untuk latihan sukan.</p> <p><u>Langkah 2 :</u> Setelah itu berkumpul membentuk bulatan dimana posisi pelajar senior di tengah-tengah bulatan sambil menyampaikan kosa kata bahasa Arab yang berkaitan dengan sukan.</p> <p><u>Langkah 3 :</u> pelajar tingkatan dua akan mengikuti dan mengulangi kosa kata yang telah disampaikan.</p>	<p>mempelajari bahasa Arab.</p> <p><u>Afektif</u> : dengan latihan sukan, pelajar merasa cergas dan bersemangat untuk belajar bahasa Arab.</p>	
8 mlm/ kelas	<p><u>Nama aktiviti</u> : belajar malam</p> <p><u>Objektif</u> : mengulangkaji pelajaran sebelumnya dan mempersiapkan pelajaran untuk esok.</p> <p><u>Kaedah</u> : pemerhatian dan soal jawab.</p> <p><u>Penglibatan</u> : guru dan pelajar tingkatan dua.</p> <p><u>Langkah-langkah pelaksanaan.</u></p> <p><u>Langkah 1 :</u> Guru akan memberikan soalan kepada pelajar mengenai kosa kata dan kalimat yang telah mereka dapatkan pagi sebelum masuk kelas dan semasa di dalam kelas.</p> <p><u>Langkah 2 :</u> Pelajar menjawab soalan sambil mengulangkaji pelajaran yang sebelumnya.</p>	<p>Psikomotorik : pelajar dapat mengingat kembali kosa kata dan kalimat yang telah mereka dapatkan.</p> <p><u>Kognitif</u> : mengulangkaji merupakan cara yang terbaik untuk mengingat sesuatu pelajaran.</p> <p>Afektif : pelajar akan bersungguh-sungguh untuk mempelajari bahasa Arab.</p>	<p>Guru menyemak semula kosa kata dan kalimat bahasa Arab yang telah dihafazkan pelajar.</p>

## Rumusan

KAK merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang dapat membantu pelajar untuk menguasai komunikasi bahasa Arab. Kaedah ini telah lama dilaksanakan di PPWS. Hasilnya sebahagian besar pelajar dapat berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Arab mahupun bahasa Inggeris di mana sahaja mereka berada. KAK ini diharapkan dapat menjadi salah satu kaedah pembelajaran bahasa Asing yang boleh dijadikan sebagai alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah-sekolah samada di Malaysia mahupun Indonesia.

## REFERENCES

- Ahmad Fuad Effendi. (2005). *Metodologi Pengajaran Bahasa Arab*. Malang: Misykat.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Matlub.(2001). *Daur al-Lughah al-'Arabiyyah fi al-isha al-hadhari*. Prosiding seminar bertajuk Makanah al-Lughah al-Arabiyyah bayna al-Lughat al-Islamiyyah. 6-8 November 2000. Algeria : Al-Majlis al-A'la li al-Lughah al-Arabiyyah.
- Ali Qasim. (2001). *Syurut 'Alamiyyah al-Lughah wa kaifiyyah taufiriha lilughotina al-Arabiyyah*. Prosiding Seminar bertajuk : Makanah al-Lughah al-Arabiyyah bayna al-Lughat al-Islamiyyah. 6-8 November 2000. Algeria : Al-Majlis al- A'la li al-Lughah al-Arabiyyah.
- Heru Saiful Anwar (2015). *Temu bual berkenaan dengan pembelajaran bahasa Arab di PPWS*. Ponorogo, 18 November 2015.
- Kamarulzaman,A.G, Khadijah, A.R & Mohd Amin, E. (2002). *Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) di Kelantan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesional Perguruan, 497-509.
- Lubna Abd. Rahman, Arnida A.Bakar, Wan Azura Wan Ahmad. (2008). *Mengenali bahasa Arab melalui al-Quran*. Nilai negeri Sembilan : USIM.
- Miles, M. B. and Huberman, A. M. (2003). *Qualitative data analysis : An expanded sourcebook* 2. Califff : Sage.
- Nurhayati.E. ( 2008). *Pengaruh Penggunaan Metode Belajar Aktif Tipe Team quiz Terhadap Minat Belajar Dan Hasil Belajar Kuntansi Siswa Kelas X Ak Smk Negeri 3 Jepara Tahun 2006/2007*. Tesis Sarjana Universitas Negeri Semarang.
- Sardiman A.M. (2007). *Interaksi dan motivasi belajar mengajar*. Jakarta : Rajawali Press.
- Siti Hajar Abdul Aziz (2009). Siri Pendidikan Guru. Selangor : Oxford Fajar.
- Siti Ikbal, S.S. (2007). *Masalah penguasaan pertuturan bahasa Arab di kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Selangor*. Kuala Lumpur : Penerbit UM.
- Tomiyama, M. (1980). *Gramamatical errors and communication breakdown*. TESOL Quarterly, 14/1 ; 71-79.
- Ummi Machmudah & Abdul Wahab Rosyidi. (2008). *Active Learning Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Malang : Uin Malang Press.

Zulhannan (2014). *Teknik Pembelajaran Bahasa Arab Interaktif*. Jakarta : Rajawali Press.